





UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI PUSAT SUKAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Disediakan	Disemak	Diluluskan
Jawatankuasa Kualiti Pusat Sukan	 SITI NORFARIZA MOHD NOH Ketua Jaminan Kualiti	 PROF. MADYA DR. TAJUL ARIFIN MUHAMAD Pengarah
Tarikh : 1 Oktober 2019	Tarikh : 16 Oktober 2019	Tarikh : 16 Oktober 2019

1.0 Proses Permohonan

1.0 Proses Permohonan

- 1.1 Permohonan mestilah dibuat melalui borang yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan Pusat Sukan UKM dan mendapat sokongan institusi masing-masing serta dilampirkan bersama maklumat peribadi (resume) yang terkini dan dihantar kepada Ketua Pengarah Pusat Sukan UKM (Rujuk Borang Permohonan)
- 1.2 Sebarang urusan permohonan dan juga pembatalan penerimaan tawaran penempatan pelajar atau penyelidik haruslah dibuat secara bertulis melalui koordinator institusi pelajar atau kepada Pusat Sukan UKM.
- 1.3 Pusat Sukan UKM tidak bertanggungjawab menyediakan bantuan kewangan sara hidup dan tempat tinggal kepada semua pelajar latihan industri.
- 1.4 Segala permohonan untuk menjalani latihan industri di Pusat Sukan UKM hendaklah dialamatkan kepada Pengarah, Pusat Sukan, Stadium Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi Selangor Darul Ehsan. Permohonan yang tidak memenuhi syarat dan kriteria yang tersebut di atas tidak akan dipertimbangkan. Setiap permohonan yang berjaya akan diberikan Surat Tawaran / Surat Kebenaran Menjalani Latihan Industri .
- 1.5 Pelajar dikehendaki mengisi Borang Penerimaan Menjalani Latihan Industri yang dilampirkan bersama.
- 1.6 Sebarang pembatalan penerimaan penempatan menjalani latihan industri harus dimaklumkan kepada Pusat Sukan UKM secara bertulis dengan kadar segera melalui koordinator institusi masing-masing.

2.0 Proses Laport Diri

- 2.1 Setiap pelajar wajib melapor diri pada Pengarah Pusat Sukan pada hari pertama menjalani latihan industri.

- 2.2 Sebelum memulakan apa-apa tugas yang berkaitan dengan latihan yang dijalankan sama ada di dalam atau di luar pejabat pada hari pertama pendaftaran, pelajar akan diberi taklimat mengenai Organisasi dan peraturan-peraturan umum yang perlu dipatuhi oleh setiap pelajar.
- 2.3 Setiap pelajar yang menjalani latihan industri di Pusat Sukan UKM hendaklah mematuhi waktu berkerja yang telah di ditetapkan. Penentuan waktu bekerja adalah tertakluk kepada Pegawai penyelia:
- | | | |
|-----|---|-------------------------|
| WP1 | : | 7.30 Pagi – 4.30 Petang |
| WP2 | : | 8.00 Pagi – 5.00 Petang |
| WP | : | 8.30 Pagi- 5.30 Petang |
- 2.4 Pelajar akan diberi taklimat tentang Pusat Sukan UKM, peraturan dan prosedur yang perlu dipatuhi serta perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan Keselamatan pada awal latihan industri.
- 2.5 Bahagian Pentadbiran Pusat Sukan UKM akan menentukan bahagian dan tempat untuk pelajar sepanjang menjalani latihan

3.0 Peraturan Semasa Menjalani Latihan

- 3.1 Pelajar hendaklah menghantar buku laporan setiap minggu kepada Pegawai Penyelia untuk proses semakan dan pengesahan
- 3.2 Permohonan cuti rehat oleh pelajar haruslah mendapat kebenaran daripada pegawai penyelia masing-masing. Pelajar hendaklah mengisi borang permohonan cuti dan hendaklah mendapatkan kelulusan daripada penyelia. Permohonan hendaklah dihantar selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum tarikh bercuti. (*Rujuk Borang Permohonan Cuti Pelajar Latihan Industri*)
- 3.3 Sekiranya pelajar sakit dan tidak dapat menghadiri latihan industri pelajar hendaklah memaklum kepada Penyelia . Kemudian, mengisi borang dan melampirkan sijil cuti sakit (MC) . Begitu juga sekiranya pelajar

mempunyai hal kecemasan, pelajar hendaklah mengisi borang apabila menghadiri pada keesokan harinya.

- 3.4 Semua kelengkapan, kemudahan dan peralatan makmal/pejabat mestilah digunakan mengikut tujuan yang telah ditetapkan dan setelah mendapat kebenaran penyelia. Sebarang penggunaan peralatan selain daripada yang ditetapkan hendaklah dirujuk kepada Pegawai Penyelia.
- 3.5 Pelajar perlu memastikan tidak akan membocorkan segala maklumat atau hal-ehwal yang diketahui tentang Pusat Sukan UKM yang mungkin boleh menjejaskan imej dan keselamatan Pusat Sukan , kerajaan atau negara sekiranya maklumat-maklumat tersebut jatuh kepada pengetahuan pihak-pihak tertentu.
- 3.6 Pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas dan sopan (office wear) sepanjang masa di tempat latihan atau penyelidikan. Pakaian seperti jeans dan selipar adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 3.7 Pelajar adalah dilarang sama sekali melakukan sebarang perbuatan atau kegiatan yang menyalahi undang-undang, agama dan adat sopan.
- 3.8 Pelajar tidak dibenarkan membawa pelawat ke pejabat Pusat Sukan UKM tanpa sebarang tujuan rasmi.
- 3.9 Pelajar perlu mengambil sendiri insuran bagi melindungi diri daripada sebarang bentuk kemalangan sekiranya diperlukan, untuk tempoh semasa menjalani latihan di Pusat Sukan UKM.
- 3.10 Pusat Sukan UKM boleh membuat pindaan dan penyesuaian terhadap garis panduan ini dari semasa ke semasa di mana perlu.
- 3.11 Pelajar perlu mengamalkan disiplin yang tinggi, menanam sifat amanah dan bertanggungjawab. Pusat Sukan UKM berhak pada bila-bila masa, menamatkan latihan atau penyelidikan manamana pelajar atau penyelidik yang didapati melanggar sebarang peraturan yang berkuatkuasa di Pusat Sukan UKM.

4.0 Proses Menamatkan Latihan Industri

- 4.1 Borang Penilaian Latihan Industri hendaklah diberi kepada Pegawai Penyelia untuk penilaian prestasi pelajar sepanjang latihan industri. Kemudian Pegawai Penyelia hendaklah menghantar borang kepada Pengarah Pusat Sukan UKM
- 4.2 Selepas pengarah menerima Borang Penilaian Latihan Industri, borang tersebut akan dihantar kepada universiti/ institusi masing –masing

5.0 Fail dan Rekod